

Tarikh Dibaca: 09 September 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“IBADAH KORBAN; SYIAR ALLAH YANG
PENUH PENGAJARAN”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdulllah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



“IBADAH KORBAN; SYIAR ALLAH YANG PENUH PENGAJARAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمَ شَعْبِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا
مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٣﴾ لَكُمْ فِيهَا مَنَافِعُ إِلَىٰ أَجَلٍ
مُّسَيِّئٍ ثُمَّ مَحِلُّهَا إِلَىٰ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ ﴿٣٣﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ al-Hajj:32-33



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya menyeru diri saya dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Kerana sesungguhnya orang-orang yang benar-benar berjaya di akhirat kelak adalah mereka yang bertakwa kepada Allah SWT.

Hadirin yang berbahagia sekalian,

Tanggal 10 Zulhijjah akan menjelma lagi. Hanya tinggal beberapa hari lagi kita akan menyambut Idul Adha yang penuh dengan keberkatan. Pada hari tersebut ummat Islam diperintahkan supaya mengagungkan syiar Allah SWT. Bagi ummat Islam yang berada di *Mekah al-Mukarramah* mereka akan sibuk menyempurnakan Ibadah Haji, rukun Islam yang kelima. Manakala ummat Islam yang lainnya, mereka disyariatkan supaya menunaikan solat Idul Adha dan melaksanakan Ibadah Korban. Oleh yang demikian, mimbar jumaat pada hari ini ingin mengajak para jemaah sekalian, sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk **"IBADAH KORBAN: SYIAR ALLAH YANG PENUH PENGAJARAN"**.

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Korban adalah satu ibadah yang dilaksanakan pada Idul Adha. Idul Adha itu juga bermaksud menyembelih binatang ternakan seperti kambing, lembu, unta, atau seumpamanya dengan syarat-syarat tertentu yang bertujuan untuk bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah.

Menyembelih qurban merupakan satu amalan yang sangat dicintai oleh Allah SWT untuk dilaksanakan pada hari raya Idul Adha dan hari-hari tasyriq.



Imam at-Tirmizi meriwayatkan daripada Saidatina 'Aisyah RAnha bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud;

"Tidak ada suatu amalan pun yang dilakukan oleh manusia pada Hari Raya Korban, lebih dicintai oleh Allah selain dari menyembelih haiwan korban. Sesungguhnya haiwan korban itu kelak di hari Kiamat akan datang beserta tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya, dan sesungguhnya sebelum darah korban itu jatuh ke tanah, pahala korbannya telah diterima di sisi Allah, maka beruntunglah kamu semua dengan pahala korban itu".

Oleh kerana itu, sesiapa yang berkemampuan hendaklah ia melaksanakan ibadah korban, sekurang-kurangnya satu bahagian korban bagi setiap keluarga. Hukum perlaksanaannya adalah sunat muakkad, iaitu suatu sunnah yang sangat dituntut oleh Islam. Nabi SAW juga telah memberi peringatan kepada orang-orang yang berkemampuan supaya melakukan ibadah tersebut. Imam Ahmad meriwayatkan sebuah hadis daripada Abu Hurairah RAnhu bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang mempunyai kemampuan untuk berqurban, tapi ia tidak mahu berkorban, maka janganlah ia mendekati musalla (tempat solat) kami".

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Bagi sesiapa yang telah berniat untuk melakukan ibadah korban pada tahun ini, mereka disunatkan supaya tidak memotong rambut dan kuku mulai 1 Zulhijjah sehingga selesai sembelihan qurban dilaksanakan dan mereka juga disarankan supaya menyembelihnya sendiri atau menyaksikan penyembelihannya.



Imam Muslim meriwayatkan sebuah hadis daripada Ummu Salamah RAhna bahawa Nabi SAW bersabda,

إِذَا رَأَيْتُمْ هِلَالَ ذِي الْحِجَّةِ وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ
يُضَحِّيَ فَلْيُمْسِكْ عَنْ شَعْرِهِ وَأَظْفَارِهِ

"Jika kamu telah menyaksikan anak bulan Zulhijjah dan kamu ingin berkorban, maka hendaklah orang yang ingin berkorban itu tidak memotong rambut dan kukunya".

Muslimin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Ibadah korban juga mengajar kita bahawa sesuatu amalan yang diterima oleh Allah SWT ialah amalan yang menepati ajaran Nabi Muhammad SAW. Dalam penyembelihan korban ada cara atau ketentuan yang mesti dipenuhi. Binatang yang hendak dikorban mestilah sihat, tidak cacat, cukup umur. Waktu penyembelihannya juga hendaklah dilakukan setelah solat Idul Adha selesai. Imam al-Baihaqi meriwayatkan hadis daripada Al Barra' bin 'Azib RAhnu bahawa Nabi SAW bersabda,

مَنْ صَلَّى صَلَاتَنَا وَنَسَكَ نُسُكَنَا فَقَدْ أَصَابَ
النُّسُكَ، وَمَنْ نَسَكَ قَبْلَ الصَّلَاةِ فَإِنَّهُ قَبْلَ
الصَّلَاةِ، وَلَا نُسُكَ لَهُ

"Sesiapa yang solat seperti solat kami dan menyembelih korban seperti korban kami, maka ia telah mendapatkan pahala korban. Sesiapa yang



menyembelih korban sebelum solat Idul Adha, maka itu hanyalah seperti sembelihan yang ada sebelum solat dan ia tidak dikira sebagai korban".

Begitu juga pengagihan daging qurban, ia hendaklah diagihkan secara percuma dari daging yang belum dimasak. Bahkan kulitnya tidak boleh dijual atau diberi sebagai upah kepada pekerja sembelihan. Jika ketentuan di atas dilanggar maka sembelihan tersebut tidak menjadi ibadah qurban seperti yang disyariatkan.

Setelah sembelihan korban selesai, 1/3 bahagian bolehlah diambil oleh orang yang berkorban kecuali korban nazar. 1/3 bahagian lagi kepada golongan fakir miskin dan baki 1/3 lagi bolehlah diagih-agihkan kepada jiran tetangga sebagai sedekah atau hadiah supaya sama-sama dapat merasai dan mensyukuri sebahagian dari nikmat kurniaan Allah SWT.

Hadirin yang berbahagia sekalian,

Sesungguhnya terdapat banyak faedah dan pelajaran yang dapat diambil dan dihayati oleh ummat Islam di sebalik pensyariatan ibadah korban ini. Antaranya, ibadah korban mengajar kita tentang pentingnya ikhlas dalam amalan. Dengan keikhlasan dan ketakwaan yang sebenar, maka keredhaan Allah SWT dapat dicapai. Penyembelihan korban dan pengagihan dagingnya semata-mata bukanlah menjadi matlamat utama, sebaliknya keikhlasan yang tulus ketika berkorban itulah yang dikehendaki oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 37;

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ خُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ
التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ...



"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu..."

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Pengajaran yang lain yang dapat dihayati dari ibadah korban ialah penyemaian sifat berkorban dan berinfaq harta kesayangan semata-mata kerana Allah SWT. Dalam ibadah korban kita diperintahkan supaya mengorbankan binatang ternakan yang terbaik dan disayangi. Manakala dagingnya pula tidak boleh dijual, tetapi hendaklah diagihkan secara percuma sebagai infaq pada jalan Allah SWT. Hal ini amat menguji keimanan kita, kerana naluri seorang manusia itu adalah sangat cintakan pada harta.

Ingatlah, harta yang diinfaqkan pada jalan kebaikan dan ketaatan, semakin banyak ia dikeluarkan akan semakin bertambah keberkatannya. Sebab itu kita dapati tiada seorangpun yang berkorban hartanya untuk ibadah korban, hidupnya menjadi papa dan miskin.

Ingatlah janji-janji Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah Saba' ayat 39,

... وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ ^ص وَهُوَ خَيْرٌ

الرَّازِقِينَ

"...dan apa sahaja yang kamu dermakan, maka Allah akan menggantinya; dan Dialah jua sebaik-baik Pemberi rezeki"



Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah menghayati dan meyakini bahawa pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail AS adalah sebagai salah satu contoh pengorbanan yang ikhlas dalam mentauhidkan Allah SWT.
2. Umat Islam diseru supaya sama-sama berkorban demi memartabatkan syiar dan syariat Islam dalam kehidupan harian.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa ikhlas dalam melaksanakan segala perintah Allah SWT untuk mendapat ganjaran dan keredhaan Allah SWT.
4. Umat Islam yang berkemampuan amat dituntut untuk melakukan ibadah korban sebagai tanda kesyukuran atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾
إِنَّ شَانِعَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur). Sesungguhnya orang yang bencikan



engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diinginiya).

(al-Kautsar ; 1-3).

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.
أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورَ، تَغْكُو اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat khususnya wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
24.08.2016